
Title	Ejaan baru (1)
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

Muhammad Ariff Ahmad:

E J A A N B A R U (1)

Pendahuluan:

Memenuhi permintaan pengarang 'harapan' ini saya usahakan-lah sa-mampu2-nya, menyusun keterangan2 dan panduan2 pengejaan baru yang telah mulai di-gunakan untuk penulisan dalam bahasa Melayu di-Malaysia dan di-Indonesia itu, dan akan di-siarkan berturut2 melalui majalah 'harapan' ini untuk perhatian para pembacha sekalian - khusus-nya para pelajar yang berminat hendak menggunakan Ejaan Baru itu.

Sa-buah risalah yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dengan nama 'Sistem Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia', dan sa-buah risalah yang di-keluarkan oleh Kedutaan Besar Republik Singapura dengan nama 'Pedoman Edjaan Bahasa Indonesia yang Disempurnakan' telah sama2 menunjukkan kepada kita bagaimana kaedah pengejaan chara baru itu.

Pengguna2 bahasa Melayu di-Singapura ini pun telah menampakkan hasrat-nya hendak menggunakan Ejaan Baru itu dalam penulisan-nya. Majalah2, surat-khabar2 sudah menchuba menggunakan-nya walaupun maseh kedapatan beberapa kesilapan dan kekeliruan di-sana sini dalam tulisan-nya itu. Kementerian Pelajaran telah membuka peluang supaya pelajar2 di-sekolah menchuba menggunakan Ejaan Baru itu, walaupun perintah belum di-tegaskan sa-chara rasmi. Yang demikian, mudah2an tulisan saya ini akan dapat menolong pelajar2 berlateh menulis dalam tulisan-nya sa-hari2 dengan Ejaan Baru itu.

Dalam pada itu, saya rasa elok-lah, dalam renchana pertama saya ini, saya terangkan lebih dahulu latarbelakang dan sejarah mengapa kita memerlukan Ejaan Baru itu. Apa-kah kelemahan2 dan ketidakmaupuan ejaan yang sekarang ini, maka kita memerlukan Ejaan Baru itu? Mengapa-kah ahli2 bahasa kita berusaha sa-lama 20 tahun membentok dan menyusun Ejaan Baru itu? Apa-kah pembaruan sistem itu di-perlukan sa-mata2 kerana kita satu perubahan sahaja? Hal2 itu perlu juga kita ambil tahu, supaya bila tiba masa-nya kita menggunakan Ejaan Baru itu sa-penoh-nya, kita tidak akan di-anggap orang sa-bagai pengikut2 yang membuta tuli atau sa-bagai Pak Turut sahaja.

Latarbelakang/sejarah ejaan baru:

Dalam Kongres Persuratan Melayu sa-Malaya Yang Pertama, yang di-adakan di-Singapura pada 13hb. April 1952, telah di-binchangkan sama-ada persuratan Melayu akan terus menggunakan kedua2 jenis tulisan – jawi dan rumi – atau akan menggunakan salah satu dari tulisan itu. Sembilan orang jawatankuasa telah di-lantek untok menyiasat sa-jauh mana kedua2 tulisan itu telah di-gunakan dalam perkembangan persuratan Melayu. Sa-puluh lapangan penggunaan tulisan telah di-kaji. Laporan jawatankuasa itu menunjukkan peratus penggunaan tulisan rumi lebeh tinggi dalam enam lapangan tulisan jawi lebeh tinggi dalam empat lapangan.

Berdasarkan perinchian laporan jawatankuasa itu, Kongres Persuratan Melayu sa-Malaya Yang Kedua, yang telah di-adakan di-Seremban pada 31.12.1953 hingga 2.1.1954, telah sa-bulat suara menerima chadangan Kesatuan Guru2 Melayu Singapura dengan sokongan Angkatan Sasterawan '50: bahawa Kongres Persuratan Melayu Malaya yang bersidang pada 1hb. January 1954 mengambil keputusan bahawa sudah sa-patut-nya-lah tulisan rumi itu di-rasmikan bagi persuratan Melayu dengan tidak menghapuskan tulisan Jawi sa-hingga masa yang akan menentukan-nya.

Penerimaan tulisan Rumi sa-bagai tulisan rasmi persuratan Melayu itu telah menimbulkan pula mas'alah sistem ejaan, kerana pada masa itu ada beberapa kaedah ejaan yang di-gunakan oleh penulis2. Guru2 dan murid2 sekolah menulis dengan ejaan kaedah 'Petua Ejaan Rumi' yang di-susun oleh Pak Za'ba; penulis2 angkatan 50an menulis dengan kaedah-nya sendiri, yang menurut mereka lebeh praktikal, tidak terla'alok kapada kekechualian2 yang di-sebutkan dalam ejaan Za'ba. Orang angkatan 50an ini lebeh suka membunyikan perkataan2 Melayu menurut sebutan Melayu dengan menggunakan konsonan2 Melayu, berbedza dengan satengah2 ejaan Za'ba (mithal, fasal, mashuarat dan lain2 – th, f, sh – pada Za'ba: di-tulis dengan 'misal', 'pasal', 'mesuara' oleh penulis2 50an). Ada pula penulis2 yang menulis dengan chara-nya sendiri – tidak menurut kaedah Za'ba, tidak pula kaedah penulis2 50an.

Dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Yang Ketiga, yang di-adakan di-Singapura dan Johor Bharu mulai 16 hingga 21hb. September 1956. Mas'alah ejaan itu di-binchangkan dengan luas apabila Persatuan Bahasa Melayu University Malaya mengemukakan satu sistem ejaan Rumi untuk memperbaiki ejaan2 Za'ba dan Asas'50. Bertambah jauh binchangan-nya kerana kongres kali ini di-hadhiri juga oleh wakil2 dari Indonesia. Indonesia juga menggunakan tulisan Rumi sistem Edjaan Soewandi (perbaikan ejaan van Ophuysen) yang baru di-laksanakan semenjak 1947/48. Terlanjor Malaya sedang hendak memperbaiki sistem ejaan Rumi itu, timbul-lah soal mengapa tidak Indonesia pun ikut

serta dalam perbaikan ini supaya ejaan Melayu di-Malaya dan di-Indonesia akan menjadi sa-kata. Yang demikian, kongres telah melantek satu jawatankuasa untok membuat penyiasatan lanjut tentang kelahiran satu sistem ejaan yang praktikal tetapi ilmiah sambil bekerjasama dengan satu jawatankuasa ejaan Indonesia yang akan di-lantek oleh Indonesia.

Risalah DBP bilangan 1 (1957) telah menyebarkan rumusan kongres tentang 'Kaedah Baharu Ejaan Rumi Bahasa Melayu' yang di-jadikan tapak berjejak ahli2 bahasa membinchangkan mas'alah sistem ejaan yang di-perlukan. Risalah itu juga menjadi dasar apabila perbinchangan dengan pihak Indonesia di-lakukan. Beberapa perundingan antara pihak Malaya dan Indonesia telah melahirkan satu sistem ejaan yang di-namakan Ejaan Melindo (Melayu-Indonesia). Persetujuan itu di-tandatangani oleh kedua pihak pada 7hb. December 1959 di-Djakarta.

Sistem Ejaan Melindo itu di-jangka akan dapat di-laksanakan sa-rentak di-Malaya dan di-Indonesia mulai bulan January 1954, tetapi malang-nya keadaan politik kedua negara itu telah menghalangi pelaksanaan Ejaan Melindo itu. Apabila Malaysia di-tubuhkan pada 16hb. September 1963, Indonesia mengishtiharkan konfrantasi terhadap Malaysia dan perjanjian Ejaan Melindo itu dengan sendiri-nya terbatal. Dalamasa konfrantasi itu, Singapura telah keluar dari Malaysia pada 9hb. August 1965. Tahun 1966, Singapura mengadakan Kongres Bahasa Kebangsaan yang juga telah membuat chadangan tentang ejaan Rumi Melayu, tetapi sistem ejaan ini tidak banyak orang yang mengetahui-nya, kerana kongres itu merumuskan bahawa ada baik-nya Singapura turut kapada keputusan Melindo, jika nanti satu masa ada kesempatan.

Perundingan antara Jawatankuasa Bahasa/Ejaan Melayu Malaysia dengan Team Ahli Bahasa KOTI yang di-adakan di-Kuala Lumpur (Singapura tidak masok dalam perundingan itu) telah menandatangani satu perjanjian baru tentang penyamaan sistem ejaan pada 27hb. June 1967 – ia-itu sa-baik2 sahaja Indonesia membatalkan konfrantasi-nya terhadap Malaysia. Perjanjian itu-lah yang menguatkuasakan penyamaan ejaan yang mulai di-laksanakan di-kedua2 negara itu semenjak bulan August 1972 ini.

Sistem ejaan baru yang terakhir ini-lah yang akan kita chuba menggunakan-nya. Dan dalam siaran ini sa-lanjut-nya, Insha Allah, akan saya tuliskan bagaimana kita hendak menulis/mengeja menurut kaedah baru itu.

Sekian dulu.